

TRANSKRIPSI SESI TEMURAMAH SEJARAH PENUBUHAN USIM

Tokoh: YBhg. Tan Sri Dr. Mohamed Yusof b. Hj. Md. Noor
Jawatan: Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (2000 – 2012)
Tarikh temuramah: 18 Mei 2007
Penemuramah: Harianti Husain (Pustakawan)
Nor Azzah Momin (Timb. Ketua Pustakawan)

.....

Nor Azzah: Assalamualaikum Tan Sri, boleh ceritakan tentang sejarah penubuhan USIM/ KUIM dan apakah asas penubuhannya?

Tan Sri: Jadi, pertama saya nak cerita, aa.. perbezaan diantara universiti ini iaitu Universiti Sains Islam Malaysia dengan Universiti Islam Antarabangsa,aaa.. memang jauh beza dari segi latar belakang penubuhan. Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa adalah usaha yang dibuat oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir sewaktu dia dapati bahawa rancangan penubuhan Universiti Merdeka yang diusulkan oleh MCA tidak dapat ditimbangkan jadi kerajaan menerusi OIC bersama-sama menaja UIA tapi diambil inisiatif oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir itu Universiti Islam Antarabangsa , situ Universiti Islam yang ditaja oleh OIC dan Malaysia menjadi hos, walaupun bertempat di Malaysia tapi universiti itu adalah tajaan OIC iaitu badan-badan yang terdiri daripada negara-negara Islam yang lain. Universiti Sains Islam Malaysia ini yang dulunya nama KUIM ini

merupakan Universiti Islam milik kerajaan yang pertama, ramai orang tak tahu. Ada yang berfikir ini Universiti Islam yang kedua, sebenarnya merupakan Universiti Islam milik kerajaan Malaysia yang pertama. UIA aaa... hos adalah Malaysia tapi ditaja oleh OIC. Aaa... jadi sebab itu latar belakang penubuhan USIM ini sebenarnya bermula daripada penubuhan Kolej Islam Malaya dulu tahun 54 lagi, apabila Majlis Raja-Raja Melayu telah merestui penubuhan Kolej Islam Malaya yang akan menjadi sebuah pusat pengajian tinggi Islam di Malaysia pada masa itu dalam tahun 54, Emm.. bagi menjadi alternatif kepada rakyat di Malaysia terutamanya termasuk rantau ini untuk belajar di pusat pengajian tinggi Islam dalam negara selain pergi ke negara-negara Islam seperti Mesir, Jordan, Sudan dan sebagainya kerana sebelum daripada penubuhan Kolej Islam Malaya aaa...kalau rakyat Malaysia ingin melanjutkan pelajaran dalam ilmu Islam dan juga penduduk di rantau ini akan pergi ke timur tengah sahaja. Jadi Majlis Raja-Raja Melayu telah bersetuju supaya sebuah pusat pengajian tinggi Islam dengan nama Kolej Islam Malaya ditubuhkan kerajaan dalam tahun 54. Dan aa Kolej Islam Malaya itu walaupun dipanggil Kolej Islam Malaya sebagai sebuah kolej, tapi aa ijazah atau 'qualification' yang dikeluarkan oleh kolej ini adalah bertaraf '1st Degree', bertaraf ijazah kerana keluaran daripada Kolej Islam Malaya yang ditubuhkan tahun 54 itu aa bersamaan dengan cara aa BA degree atau ijazah bachelor dan aa kalau mereka menyambung pelajaran di timur tengah mereka terus membuat sarjana atau MA. Tapi aa sistem pengajian Kolej Islam Malaya ini saya ceritakan dari segi aa kemunculan aa pusat pengajian islam di Malaysia sebelum daripada wujud KUIM dan USIM. Jadi Kolej Islam Malaya ditubuhkan, yang

menjadi alternatif pada penduduk dirantau ini untuk mempelajari ilmu islam secara mendalam, tidak semuanya pergi ke Mesir, ada yang pergi ke Mesir atau ke negara-negara islam yang lain hanya untuk membuat master atau phd setelah mereka masuk belajar di Kolej Islam Malaya pada masa itu. Tapi kerajaan Malaysia telah didesak supaya Kolej Islam Malaya itu diishtiharkan sebagai sebuah Universiti dalam tahun 50 an lagi supaya menjadi Universiti yang pertama di Malaysia ini. Desakan itu muncul dan hasil daripada desakan itu aa.. menteri Pelajaran pada masa itu iaitu YB En. Khir Johari telah mengishtiharkan bahawa sebagai langkah awal untuk menubuhkan sebuah universiti islam di Malaysia ini dimulakan dengan fakulti pengajian islam di UKM. Ha ini dia punya sorotan sejarahnya. Jadi aa kenyataan yang dibuat oleh YB En. Khir Johari selaku Menteri Pelajaran pada masa itu aa telah mengemukakan bahawa penubuhan Fakulti Pengajian Islam itu adalah sementara, sementara diishtiharkan penubuhan sebuah universiti islam yang sempurna, jadi bermula daripada tarikh itu iaitu dalam tahun awal 60 an kalau tak silap saya dalam tahun 63 atau tahun 64 maka bermulalah Fakulti Pengajian Islam aa di Universiti kebangsaan Malaysia aa dan ia muncul sebagai sementara untuk ditubuhkan sebuah universiti, kemudian berikutan dengan itu sistem Kolej Islam Malaya yang ditubuhkan bagaimana saya ceritakan tadi ditamatkan dan digantikan aa sebagai pusat pengajian untuk peringkat menengah sahaja iaitu bermula dengan penubuhan Fakulti Pengajian Islam di UKM maka Kolej Islam Malaya yang lama hanya mengendalikan kursus pelajaran diperingkat SPM sahaja kerana diperingkat ijazah sudahpun berpindah pergi ke Universiti Kebangsaan Malaysia. Bila masa berlalu aa Fakulti Pengajian Islam aa telah berjalan

dengan baik dibawah Universiti Kebangsaan Malaysia maka kebetulan pada masa itu saya berda dalam kabinet kerajaan dan memang desakan untuk menubuhkan Universiti itu masih lagi terdengar dan aa Kementerian Pelajaran yang dikatakan sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk meneruskan cita-cita penubuhan Universiti Islam itu telah aa membuat keputusan setelah dipersetujui oleh kabinet supaya dibuat sebuah pusat pengajian tinggi islam dengan nama Kolej Universiti Islam aa tidak dinamakan Universiti Islam tapi dinamakan Kolej Universiti Islam Malaysia sebagai satu langkah awal untuk memutuskan satu nama yang final iaitu sebagai penukaran dinamakan Kolej Universiti yang bermakna pusat pengajian bertaraf Universiti tapi digunakan perkataan Kolej kerana ia menjadi pusat pengajaran yang aa bidang-bidangnya agak spesifik tidak sama dengan Universiti lain yang sudah ada di negara ini yang telah bertukar menjadi 'multi disciplinary' iaitu universiti-universiti yang lain yang ada di Malaysia pada masa itu sama ada campur aduk, ada pengajaran kemanusiaan, ada sains, ada perubatan, ada berbagai-bagai. Tidak ada universiti yang aa mengkhusus dalam bidang yang tertentu jadi aa pemakaian Kolej Universiti Islam Malaysia yang diputuskan oleh kerajaan ini dengan tujuan untuk memperkenalkan bidang-bidang yang spesifik kerana itu dinamakan Kolej Universiti iaitu tidak mengambil aa bidang-bidang yang aa keseluruhan bagi nama yang terdapat di Universiti Malaya, USM, UKM kerana sememangnya sudah menjadi 'multi disciplinary' itu tujuan aa kerajaan menamakan Kolej Universiti Islam Malaysia dengan nama KUIM pada masa itu, sekali lagi saya nak jelaskan iaitu dengan tujuan untuk menjadi universiti ini, yang menggunakan nama kolej universiti aa memperkenalkan

bidang-bidang yang tertentu sahaja, tidak aa semua bidang yang diperlukan dunia akademik, jadi aa pemakaian kolej universiti islam ini aa dipakai dan diputuskan oleh kabinet dan aa pengishtiharan yang pertama dibuat oleh anggota kabinet kepada orang ramai telah dibuat oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib. Pengishtiharan ini dibuat dalam satu majlis yang berlangsung di Terengganu aa tahun saya kurang pasti kalau tak silap saya dalam tahun aa 99 atau 98, dan berikutan dengan pengishtiharan itu maka pihak Kementerian Pelajaran telah diamanahkan untuk melaksanakan perkara ini yang pada masa itu aa sedang diterajui Datuk Musa, Tan Sri Musa yang menjadi menteri pelajaran pada masa itu menggantikan menteri pelajaran yang sebelum itu iaitu kalau tak silap saya Tan Sri Sulaiman Daud, itu asal-usul penubuhan KUIM oleh kerajaan, ekoran daripada desakan yang sudah lama sejak daripada penubuhan Kolej Islam Malaya dan Fakulti Pengajian Islam, akhirnya dalam tahun 2001 maka kalau tak silap 2001 ye 2002 ye tahun 2000. tahun 2000 mulalah KUIM dan aa bidang yang diperkenalkan pada masa itu aa bidang pengajian islam dan juga bidang undang-undang, undang-undang aa di gabungkan dengan syariah dan undang-undang bagaimana yang terdapat pada masa tapi selepas beberapa tahun bidang-bidang yang diperkenalkan pada peringkat awal itu didapati tidak mencukupi untuk mencerna maksud ilmu islam yang sama-sama diketahui iaitu islam tidaklah terhad pada bidang-bidang tradisional yang diperkenalkan diperingkat awal dan islam bermakna aa pusat pengajian yang dikenal dengan nama pusat pengajian islam mesti meliputi semua pengetahuan yang diperlukan dalam kehidupan jadi aa bermula dengan fakulti undang-undang, usulluddin dan dakwah kemudiannya

berkembang kepada fakulti ekonomi, fakulti sains dan dirasakan bahawa bidang-bidang ini tidak boleh terlepas daripada dunia akademik walaupun institusi itu dinamakan institusi islam tpi ini merupakan pelengkap kepada ilmu yang ditekankan oleh islam maka sekarang akhirnya kita dapati KUIIM sudah menuju kepada sistem yang 'multi disciplinary' juga kerana sudah aa skopnya melibatkan diri dengan fakulti perubatan, fakulti sains, fakulti pergigian dan banyak lagi pada masa akan datang. Ekoran daripada perkembangan itu maka kementerian telah didesak sebenarnya kementerian pengajian tinggi di Malaysia ini telah didesak supaya nama KUIIM ini ditukar. Tidak lagi dinamakan Kolej Universiti, walaupun taraf, masalah taraf tidak berbangkit kerana pada masa penubuhan sewaktu Kolej Universiti sebenarnya ia sudah merupakan sebuah Universiti, tapi ia dimaksudkan diperingkat awal untuk aa pengajarannya 'core find to a specific area' terhad, tapi bila dah dibuka kepada bidang-bidang yang banyak maka kerajaan telah mengkaji dan bersetuju supaya tidak perlu menggunakan perkataan Kolej dan tinggal universiti. Tentang aa kenapa dipilih nama Universiti Sains Islam Malaysia ini, kerana nama ini sebenarnya perkara yang biasa mana-mana universiti pun boleh pakai nama yang dipilih tapi bagi aa melaksanakan citarasa semua pihak, orang ramai, kerajaan, memang perlu ada institusi yang dikenal orientasinya islam, bukan untuk undur kebelakang tapi untuk membuktikan bahawa di Malaysia ini ada pengajaran yang 'base'nya pengajaran islam atau ilmu islam itu menjadi teras kepada sebarang ilmu yang akan diperkenalkan, jadi wajarlah universiti ini disebut Universiti Islam, walaupun boleh juga kita namakan universiti Ibnu Khaldun, Universiti Abu Bakar, universiti aa kerana nama

universiti ini adalah perkara yang 'nisbi' yang aa relatif terpulang kepada pihak yang menubuh nak namakan Universiti Malaya, Universiti Malaysia, Universiti Nilai, tapi oleh kerana aa entiti Islam itu mesti ditonjolkan sesuai dengan sejarahnya maka perkataan Islam itu dirasakan adalah sangat perlu lalu dipersetujui supaya perkataan Islam itu diterima dan aa sebagaimana pihak universiti ini telah mengemukakan beberapa cadangan nama aa ada nama yang dicadangkan diantaranya seperti Universiti Tamadun Islam atau Islamic Civilization University kerana banyak nama ada Universiti aa Islam Malaysia dengan tidak disebut perkataan sains tapi aa bila dikemukakan beberapa nama seperti University Civilization, Universiti Islam Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia maka kerajaan telah menimbang dan akhirnya kerajaan memilih perkataan Universiti Sains Islam Malaysia daripada senarai yang dicadangkan oleh pihak universiti ini beberapa nama. Saya fikir keputusan kerajaan itu adalah ada asas yang baik juga kerana mungkin Malaysia ini aa orang ramai berfikir bahawa sains itu tidak ada kaitan dengan Islam jadi lalu digunakan perkataan sains supaya dapat difahami oleh semua bahawa sains dan Islam itu memang tidak terpisah walaupun ada Universiti Sains Malaysia yang sudah ada, tapi aa ini bukan bermaksud bahawa Universiti Sains Malaysia yang ada di Pulau Pinang itu sebagai universiti tidak Islam atau bila kita namakan bila Universiti Islam Antarabangsa bukan bermakna universiti lain tidak Islam, ini sebagai 'emphasis' sahaja itu pada pandangan saya iaitu kita tidak menafikan Universiti Sains Pulau Pinang di Universiti Sains Pulau Pinang pun memang dalam dasar Islam juga, tak lari tapi dari segi aa sejarah berbeza, sejarah universiti ini USIM ini ada kaitan dengan penubuhan Kolej Islam Malaya

maka sebab itu perlu ditekankan perkataan Islam itu, sains dan Islam itu mesti disekalikan aa ini 'just for the sake of naming' sahaja, tidak kaitan apa-apa dari segi implikasi Islam yang ini Islam, yang ini tidak Islam ini tidak timbul, itu dari segi aa nama kemudian aa saya ingin sebut satu lagi tentang perbezaan aa universiti ini dengan universiti-universiti lain yang baru yang berasal daripada kolej di negeri-negeri lain ada juga kolej universiti setiap negeri ada perkataan kolej universiti sebelum ini sebenarnya di negeri-negeri pemakaian kolej universiti di negeri-negeri berbeza dengan KUIM pada masa itu kerana kolej universiti itu aa setiap negeri seperti Pahang, Terengganu, Perlis dan seterusnya sebenarnya itu dimaksudkan untuk negeri, universiti yang diusahakan bersama dengan kerajaan negeri dan kerajaan pusat maka dinamakan kolej universiti, diletakkan di negeri-negeri yang berkenaan tapi bagi USIM yang berasal daripada nama KUIM ini sebenarnya universiti ini tidak dipunyai oleh mana-mana negeri walaupun secara kebetulan terletak di Nilai tapi ini bukan berkaitan dengan aa desakan negeri. Ha ini keistimewaan KUIM ini atau sekarang ini dikenali sebagai USIM. Cuma secara 'co-incident' sahaja aa apabila saya sendiri berbincang dengan Dato' Seri Dr. Mahathir tentang tempat yang perlu dipilih aa dia telah membuat satu catatan dalam satu nota, aa minta saya runding dengan aa samada kerajaan Negeri Selangor ataupun Negeri Sembilan aa untuk dapat kawasan yang berdekatan dengan kawasan MSC supaya universiti ini juga jauh daripada bandaraya mungkin maksud saya faham bahawa maksud Perdana Menteri pada masa itu ialah untuk mewujudkan sebuah universiti Islam di bandar ini ditengah-tengah kota bukan di negeri-negeri, jadi aa saya telah bincang dengan kerjasama Negeri Selangor aa ada

satu kawasan aa termasuk dalam sempadan Negeri Selangor aa iaitu di Gate 1 Putrajaya, itu cadangan asal yang saya bincang tapi kerajaan negeri Selangor tidak dapat timbangkan itu kerana tanah itu sudah pun dimiliki oleh orang lain dan pada masa itu saya dapat maklumat di Nilai yang juga masuk dalam kawasan MSC iaitu kawasan aa Multimedia Corridor di Malaysia ini di Nilai pun termasuk dalam kawasan MSC jadi saya dah bincang dengan aa pihak pemilik tanah ini dan mereka bersetuju supaya tanah ini dijual kepada KUIM iaitu USIM pada masa ini, itu adalah sejarah pemilihan ini iaitu kita hendakkan kawasan kota, Kuala Lumpur sudah penuh, Putrajaya dah penuh tapi cuma di pinggir Putrajaya sahaja, jadi kawasan asal ialah kawasan universiti Pertanian, iaitu gate 1 kita tak dapat, kita dapat yang ini, jadi itu asal usul kenapa ianya dipilih, jadi aa ini satu aa kehadiran USIM ini di Nilai yang aa terletak dalam Negeri Sembilan merupakan satu rahmat bagi Negeri Sembilan lah dan saya percaya bahawa aa kerajaan Negeri Sembilan aa telah berpeluang untuk minta universiti lain yang merupakan universiti yang didesak oleh kerajaan negeri tetapi USIM ini secara kebetulan terletak di Negeri Sembilan aa atas dasar hendakkan universiti dalam kawasan MSC untuk mengimbangkan dengan pengajian yang lain seperti kerana disini ada Multimedia, MMS, ada kaitan tapi tidak membawa 'base' Islam jadi kehadiran USIM ditengah-tengah bandar ini saya fikir adalah menunjukkan satu aa keputusan yang baik kerana ia mengimbangi antara pelbagai aa pusat pengajian ilmu dalam bandaraya, ada soalan lain ker nak tanya ke?

Nor Azzah:

Boleh Tan Sri jelaskan penempatan USIM di peringkat awal daripada kampus sementara ke kampus tetap yang berada dalam zon MSC?

Tan Sri:

Ha itu kampus sementara ertinya sebelum daripada kita mendapat kampus yang tetap kita tak dapat melengahkan apa nama ni aa pengajaran ertinya itu adalah penyewaan bangunan sementara tapi yang saya sebutkan tadi ialah mengenai kampus tetap bagi universiti ini mesti bertempat dalam kawasan MSC iaitu kampus tapi aa sebelum kita mendapat tapak yang tetap ini kita tentukan terpaksa mencari tempat macam bangunan sementara, bangunan lain, kampus tetap lain jadi bangunan sementar kita dapat kampus tetap, pihak KUIM pada masa itu tidak boleh melewatkan penerusan pengajaran kerana kita telah diamanahkan supaya memulakan pengajaran aa dalam tahun 2000 jadi pihak pengurusan yang telah dilantik oleh kerajaan mesti mencari bangunan sementara itu bukan kampus tetap itu bangunan sementara yang aa dalam kawasan Kuala Lumpur ini aa dapati sebuah bangunan yang dimiliki oleh Majlis Agama Islam Wilayah aa dan Majlis Agama Islam Wilayah aa tidak keberatan supaya bangunan yang dimilikinya yang dikenal dengan nama aa IPB iaitu Institut Profesional Baitulmal disewakan kepada KUIM pada masa it, jadi kita menyewa bangunan sementara, sementara berpindah ke kampus tetap, kampus tetap adalah di Nilai, bangunan yang saya ceritakan tadi kerana kita dah dapat ini tapi kita tak boleh datang terus ke kampus tetap kerana bangunan belum ada maka terpaksa kita menyewa bangunan lain sebagai sementara jadi kita menggunakan bangunan sementara di IPB iaitu Institut Profesional Baitulmal yang juga secara

kebetulan itu dibawa sewaktu saya menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada masa itu sama-sama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah diputuskan supaya Majlis membina sebuah bangunan yang dinamakan Institut Profesional Baitulmal dan kebetulan pada masa KUIIM mencari bangunan, masih ada ruang yang boleh disewa, jadi kita sewa sebahagian daripada bangunan itu untuk bersama-sama dengan pelajar yang sudah sedia ada yang mengambil kursus IPB iaitu Institut Profesional Baitulmal aa kemudian selepas itu bila kita menghadapi 'constance' tempat tinggal makin padat kita berhijrah lagi, jadi penghijrahan ini adalah satu perkara yang tidak dapat dielak kerana pelajar sudah bertambah daripada aa 100 kepada 200 menjadi 500 sampai 1000 dan akhirnya kita pindah ke bangunan tempat yang lebih besar yang besarnya boleh muat lebih ramai iaitu di Pandan Indah, Jadi aa selepas IPB, penghijrahan yang kedua adalah ke Pandan Indah iaitu pelajar-pelajar IPB mm pelajar-pelajar KUIIM tinggal di Pandan Indah dan aa tempat pengajian adalah di bangunan aa di Pandan Indah juga iaitu satu bangunan yang disewa untuk menjadi bangunan akademik dan aa ada bahagian blok disewa untuk tujuan tempat tinggal, itu hijrah yang pertama sementara tunggu kampus yang tetap siap dan aa memang jadual asal yang dirancang untuk bersama pihak KUIIM ialah untuk berpindah ke Nilai iaitu kampus tetap ini dalam tahun aa 2002 tapi disebabkan oleh perkara-perkara teknikal aa bangunan tak siap, ada urusan-urusan teknikal yang tidak dapat diselesaikan maka kita hanya dapat berpindah menggunakan sebahagian daripada kampus tetap di Nilai ini dalam tahun 2004, 2004, 2004 aa itu merupakan penghijrahan ke 'final destination' tapi

perpindahan itu dibuat secara 'gradual' kerana bangunan yang aa siap di kampus tetap ini cuma sebahagian sahaja iaitu bangunan Fakulti Dakwah dan Fakulti Syariah kalau tak silap undang-undang, Fakulti Perubatan oleh kerana belum lengkap lagi belum siap lagi kemudahan-kemudahan disini kerana kursus perubatan ini penting aa berada berhampiran dengan hospital maka fakulti perubatan sehingga tahun 2009 ini sekarang 2007 mungkin sampai 2008 atau 2009 mungkin 5-6 tahun lagi aa nampaknya perlu terus di Pandan Indah kerana jurusan ini memerlukan sebuah hospital dan mereka menggunakan hospital di Ampang Jaya untuk menjadi sebagai 'teaching hospital' iaitu di kawasan Pandan Indah juga. Rancangan yang sedang diatur pada masa ini dan sedang dirunding dengan Kementerian Pengajian Tinggi ialah untuk memastikan supaya Nilai ini aa kampus tetap Nilai ini aa mempunyai menjadi tempat semua fakulti termasuk perubatan aa sedang dirunding pada masa ini dengan pihak berkuasa di Nilai supaya dapat tanah yang lebih luas dan kita harap perkara ini dapat di timbangkan oleh kerajaan kerana adalah lebih baik sebuah universiti itu semuanya berada di satu tempat ini boleh memberi aa kebaikan kepada semua pihak, kebaikan kepada pentadbiran, kebaikan mahasiswa dan aa kebaikan dari segi penjimatan kewangan kerana bila kampus yang berjauhan kos akan meningkat aa tapi kalau semua berada disini aa ia boleh menjimatkan perbelanjaan dan lebih efisien pada fikiran saya dan aa pada masa saya bercakap ini iaitu tahun 2007 ini pada prinsipnya pihak pengurusan dan pihak lembaga universiti ini telah bersetuju supaya satu kawasan disini selepas lebih kurang dalam 60 ekar aa digunakan untuk fakulti perubatan dan pihak universiti ini akan mengemukakan pada pihak

kerajaan untuk mendapat pertimbangan, saya fikir aa kerajaan akan menimbang kerana 60 ekar yang tanah tambahan yang kita pohon ini akan menjadi tempat bagi fakulti perubatan dan hospital universiti untuk menjadi 'teaching hospital' pada fakulti perubatan. 60 ekar ini dikira sudah mencukupi, jadi dengan kehadiran fakulti perubatan yang kita rancang berpindah daripada Pandan bila sampai masanya nanti mungkin 5 tahun mungkin 10 tahun aa tempoh masa saya fikir tak penting yang pentingnya ialah aa 'the final destination of academic programme' ini adalah kearah menjadi kampus yang lengkap di kampus induk mengenai dengan cawangan kampus ini pada masa ini belum berbangkit kerana mungkin pada masa akan datang akan timbul keperluan kepada aa cawangan USIM tapi masa ini belum berbangkit lagi kerana kita nak tumpukan pembangunan kepada kampus tetap yang menjadi tempat bagi semua pengajian yang terdapat dalam USIM, perubatan, sains, kemanusiaan, keislaman, undang-undang, ekonomi dan sebagainya.

Harianti:

Tan Sri, apakah pencapaian-pencapaian Tan Sri yang boleh tonjolkan diklasifikasikan sebagai pencapaian yang boleh aa yang mempunyai nilai sejarah, yang terbaik?

Tan Sri:

Universiti ini baru lagi, aa kalau nak disebut sebagai pencapaian yang aa boleh dikatakan sebagai pencapaian yang aa menjadi kebanggaan sebuah pusat pengajian dan pencapaian ini tidak terdapat dalam mana-mana universiti dalam dunia ini, saya fikir awal sangat tapi aa sebagai satu permulaan dalam bidang aa Islam aa saya

tak dapat menyebutkan lagi dalam bidang lain kerana bidang lain sedang membuat persediaan untuk melihat apakah 'nich area' bagi pengajian aa perubatan, kerana perubatan ada banyak bidang samada nak ambil bahagian aa O&G ke ataupun bahagian anatomi ke ataupun itu akan diputuskan oleh fakulti perubatan kemudian dalam undang-undang sebab nak bincang dalam bidang undang-undang kontrak ke sebagai bidang yang utama disini itu belum sampai masa lagi tapi dalam bidang pengajian Islam pada masa ini yang sudah menjadi tumpuan universiti dan juga pakar-pakar Islam daripada negara lain bukan saya yang sebut tapi berdasarkan dari realiti yang ada, aa penubuhan INFAD iaitu Institut Pengurusan Fatwa Sedunia aa sepanjang pengetahuan saya, USIM sahajalah Universiti didunia ini yang menubuhkan sebuah pusat pengurusan fatwa sedunia yang dengan maksud untuk mengumpul fatwa yang muncul dimana-mana, diberikan oleh siapa-siapa dan dikaji dan dianalisis disini dan ini memberi kemudahan kepada mereka yang diberi tugas sebagai mufti untuk mengetahui aa apakah fatwa yang sudah dikeluarkan dan tentulah fatwa yang diperlukan kalau sudah keluar tidak perlu mengambil masa yang panjang untuk dikaji lagi kecuali untuk dilihat dari segi 'relevancy' dengan masa saja, jadi aa pencapaian universiti ini dalam umur yang baru 5-6 tahun ini aa sudah dapat menunjukkan sebuah aa satu area yang unik dalam universiti dalam dunia ini dalam pengajian Islam iaitu Institut Pengurusan Fatwa, bagaimana nak urus fatwa, bagaimana nak menganalisa fatwa tanpa mengira samada fatwa itu daripada negara ini atau daripada negara mana-mana di dalam duia ini, dan usaha untuk menguruskan urusan INFAD ini atau Institut Pengurusan

Fatwa Sedunia ini aa masih dalam peringkat permulaan tapi aa sudah mendapat perhatian banyak pihak daripada pakar-pakar aa Islam daripada dunia ini yang mengetahui tentang penubuhan INFAD ini, itu satu pencapaian yang besar kerana kita mencari satu area yang menjadi kebanggaan mungkin kalau sebut yang lain bidang lain tak menjadi satu kebanggaan kerana sudah terdapat dinegara lain jugak tetapi untuk mengkaji dan mengurus serta menganalisa fatwa-fatwa sedunia ini saya fikir inilah pertama kali aa sebelum ini masing-masing negeri dia kaji fatwa yang berlegar dalam negeri dia, dia tak fikir apa yang berlaku di negara lain tapi bagi sebuah universiti tempat akademik ini saya fikir disini tak payah kita 'profined' kepada satu fatwa sesuatu negeri kita kaji semua fatwa dan untuk mengamalkan satu pegangan terpulang kepada penganalisa mufti negeri yang boleh menganalisa dan membuat keputusan, ini membantu dan memudahkan semua mufti aa itu dalam bidang pengajian. Keunikan satu lagi yang ada hari ini ialah tentang aa bidang apa nama ni aa sains, yang pada masa ini satu kajian dibuat oleh seorang pakar di fakulti sains di USIM ini setakat ini yang mendapat hadiah daripada 'Geneva' pasal dapat mengeluarkan satu jenis aa 'plant' yang aa iaitu cabai yang buahnya tidak jatuh kebawah tapi tegak ke atas, jadi ini pun satu bidang kajian yang saya fikir perkara yang mungkin aa dimana-mana pun bila ada kajian akan ada penemuan aa ertinya disini pun ada kajian-kajian yang menarik juga tapi untuk waktu ini sewaktu saya bercakap ini INFAD merupakan satu aa pusat yang unggul dalam aa dunia universiti-universiti bidang pengajian Islam lah yang tidak terdapat di negara lain, dapat juga jadi takdalah yang unik, aa kalau pelajar-pelajar kita yang aa dapat

menjadi johan itu, perkara ini biasa sebenarnya, tak menjadi satu kebanggan sangat kerana kalau menang jadi johan syarahan pun harini tahun ini kita menang tahun depan orang lain menang pulak, jadi tak menjadi aa perkara biasa tapi yang unik keunikan yang saya maksudkan ialah yang tidak terdapat ditempat lain aa dan aa kalau nak dilihat tentang fokus universiti ini aa yang saya fikir mungkin ada persamaan juga dengan fokus universiti-universiti yang lain iaitu nak mengeluarkan pelajar yang mempunyai fikiran yang luas dan mampu menangani sebarang masalah, saya fikir ini juga mengikut pengalaman saya universiti lain pun mempunyai pendekatan yang sama jadi tidak ada perbezaan yang agak ketara dan aa setakat ini walaupun umur universiti ini baru berusia dalam lebih kurang 6 tahun tapi aa nampaknya USIM ini dan sebelum ini dengan KUIM cepat dikenali oleh masyarakat ini terbukti bila pihak bakal majikan biasanya bakal majikan aa mereka tidak berminat untuk memberi peluang pekerjaan kepada sesebuah universiti yang mereka tidak 'familiar' tapi mengikut kedudukan sekarang ini 'percentage' graduan yang menamatkan pengajian daripada universiti ini aa lebih daripada 80% telah mendapat jawatan yang baki sama ada mereka yang berpelajaran atau tidak dapat dihubungi sahaja, bermakna ini walaupun aa universiti ini baru tapi aa nampaknya pihak majikan, dia tidak aa 'elector' untuk memberi peluang pekerjaan kepada lapisan universiti ini aa ini tidak boleh saya meletakkan kejayaan ini kepada satu pihak sahaja, mungkin ini hasil daripada aa peranan yang dimainkan secara bersama diantara pihak tenaga akademik, pelajar sendiri dan juga pihak pentadbiran aa kalau sekiranya dalam masa 5 tahun kita sudah dikenal dan diterima oleh bakal majikan aa saya fikir ini satu kejayaan

yang aa baik kalau pun tidak luar biasa tapi kejayaan yang baik iaitu KUIIM atau USIM sudah berjaya mengeluarkan graduan yang aa sesuai dengan aa kehendak pasaran.

Harianti:

Tan Sri, apakah perspektif peribadi Tan Sri terhadap perkembangan USIM daripada awal sampai sekarang ini.

Tan Sri:

Mm saya, sebab saya pun orang akademik daripada dulu lagi sebab aa saya dah berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia 11 tahun dulu, tapi kepuasan dalam akademik ini aa tidak ada hujung, saya belum berpuas hati lagi sebenarnya sebab aa kita perlu ialah melihat lepasan universiti ini bukan sahaja menguasai ilmu yang mereka pelajari tetapi aa mereka perlu juga menguasai aa dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh masyarakat semasa maksud saya ialah kalau seorang intelek aa pada masa ini kalau mereka yang kita panggil sebagai intelek itu Cuma menguasai dua bahasa sahaja masih sudah dianggap macam 'handicap' lah sebab berhubungan dengan aaa dunia hari ini, bukan 'confined' pada satu ataupun dua masyarakat kita sudah aa samada Malaysia ataupun negara lain berhubungan dengan semua negara bermakna kita berhubung dengan masyarakat yang menggunakan bahasa berbagai-bagai, Jepun, China, Jerman, Itali, 'France', 'Germany' aa apa nama ni aa bahasa inggeris dah tentu tapi aa sekarang ini harapan saya memang ingin melihat lepasan universiti ini dia mempunyai kemahiran bukan setakat memahami dalam aa sekurang-kurangnya tiga bahasa, sekurang-kurangnya tapi pada masa ini aa tiga bahasa selain daripada bahasa ibunda, sekarang ini

lepasan universiti ini aa pada umumnya boleh memahami aa sekurang-kurangnya memahami aa bahasa inggeris dan bahasa arab tapi aa seorang intelek dalam zaman ini dan zaman-zaman akan datang saya fikir dua bahasa tak cukup, jadi kita harapkan tanpa mengira apa yang universiti lain nak buat tapi harapan saya universiti ini pelajarannya kalau dia hanya menguasai satu bahasa aa masih lagi kita anggapkan 'handicap' tapi kalau dia menguasai dua bahasa selain daripada bahasa ibunda itu sekadar untuk cakap untuk aa menunaikan tanggungjawab aa asas untuk membolehkan dia diterima oleh masyarakat yang global ini dia mesti ada satu bahasa yang lain lagi, ini bermakna bahawa aa selain daripada bahasa inggeris dan bahasa arab yang ditekankan di universiti ini aa perlu ada inisiatif bagi seorang mahasiswa untuk menguasai bahasa lain lagi samada bahasa cina atau bahasa Perancis atau Itali atau 'Spain' kerana ini bahasa-bahasa yang besar dalam dunia kalau ini tercapai ertinya orang tidak pandang kepada lepasan universiti ini sebagai 'handicap' kerana dia boleh bertemu dengan masyarakat mana-mana, kita tidak boleh aa andaikan bahawa kita bertemu dengan masyarakat dinegeri kita iaitu kalau orang daripada Pahang jangan dia fikir bahawa dia hanya bertemu dengan orang Pahang sahaja, zaman dah berubah aa 'graduate' mana-mana universiti tidak lagi berhubung dengan penduduk negeri dia ataupun negara dia. Dia akan berhubung dengan negara lain yang berbagai bahasa, jadi aa saya nampak itu akan ditekankan iaitu selain daripada menguasai bidang akademik yang diambil sebagai pilihan tapi penguasaan bahasa itu menjadi harapan yang utamalah bagi diri saya untuk membuktikan bahawa dia 'acceptable to the society' aa 'global society' yang tidak ada sempadan nampaknya

sekarang ini pun dah ada minat tapi ertinya tidak ada bahasa-bahasa cina dan bahasa-bahasa lain yang diajar sebagai aa alternatif subjek tapi kita ingin lihat sambutan kepada mahasiswa ini lebih serius lagi.

Nor Azzah: Sebagai kesimpulan, apa harapan Tan Sri seterusnya selain penguasaan dua bahasa.

Tan Sri: Aa satu harapan saya, yang ini sudah pun dibincang secara mendalam iaitu universiti ini akan menjadi universiti penyelidikan aa tidak hanya akan menjadi universiti yang hanya menumpukan kepada aa kursus 'under graduate' aa ini oleh kerana aa satu rancangan yang belum terlaksana ialah rancangan perkampungan aa siswazah dalam kampus ini akan terdapat satu perkampungan siswazah iaitu mungkin yang boleh dipanggil dalam bahasa inggerisnya aa 'post graduate village' aa yang kita telah pun putuskan bahawa 'posy graduate village' ini akan dikenal dengan nama 'Bustan 'Ariffin' iaitu aa taman intelek ini akan menjadi satu aset yang besar kepada universiti ini aa iaitu universiti ini tidak mengangapkan 'under graduate' aa 'training proggame' itu sebagai keutamaan untuk peringkat 'research' iaitu master dan phd bukan untuk 'under graduate' walaupun kita akan teruskan aa kursus 'under graduate' tapi aa kita harap dalam rancangan sekarang ini aa jumlah pelajar yang membuat kursus aa master keatas disekitar tak kurang daripada 45% adalah untuk 'post graduate' yang 'under graduate' disekitar dalam 55% sahaja walaupun kursus 'under graduate' ini lebih tinggi dari segi peratusannya dari 'post

graduate' tapi aa 'post graduate' akan menjadi lambang universiti ini kerana kursus 'under graduate' ini mungkin aa dah sampai masanya dah jadi macam pengajian biasa seperti dulu pengajian sekolah rendah itu dikira habis darjah enam kira dah baik tapi lepas beberapa tahun habis darjah enam tak cukup, mesti ada SPM atau 'cambridge' aa dulu ada 'cambridge certificate' dianggap sebagai yang paling 'top' sekali sudah dapat pekerjaan tapi zaman mempunyai sijil SPM atau 'cambridge certificate' sahaja tak cukup jadi mesti ada ijazah sekarang ini ada ijazah pertama sahaja mungkin biasa tapi kita perlu jadikan universiti ini benar-benar mengamalkan hasrat konsep universiti iaitu universiti adalah pusat kecemerlangan, kursus 'under graduate' tidak melambangkan kecemerlangan lagi walaupun dulu memang pernah menjadi siapa yang ada ijazah pertama sudah dianggap sebagai terbaik dalam negara kita tapi saya fikir dalam tahun bermula tahun 70an yang saya lihat 'under graduate' sudah menjadi yang 'common' biasa tapi aa orang yang ada master merupakan kumpulan yang berautoriti bukan lagi yang mempunyai ijazah pertama kerana itu sudah terlampau ramai, jadi dalam tahun-tahun akan datang lagi 60-70 tahun, saya fikir 'under graduate' aa boleh katakan hampir semua rakyat ataupun lebih daripada 70% rakyat sudah ada ijazah pertama tapi yang akan menjadi lambang kecemerlangan ialah diperingkat master keatas, jadi kita harap KUIM ini USIM ini akan menjadi pusat yang mengeluarkan aa tokoh-tokoh cemerlang aa 'excellent student' yang mendapat ijazah master sekurang-kurangnya sampai phd kerana itulah aa satu program yang kita namakan aa dari segi fizikal ada kawasan yang telah pun kita pastikan tidak jauh daripada bangunan canselori ini iaitu dinamakan 'Bustan 'Ariffin' iaitu 'post graduate

village' dan pusat 'post graduate village' ini akan dibuat bangunan yang satu 'student' satu rumah ataupun satu blok ada 4 rumah maknanya satu blok 4 'student' sahaja aa dan dia boleh tinggal dalam rumah ini dengan keluarga dia dan kita nak jadikan 'Bustan' Ariffin' ini sebagai 'attraction' kepada pelajar daripada negara asing selain daripada luar negeri ertinya mereka aa mengikut 'planning' yang kita buat sekarang ini aa yang telah saya utamakan ialah kampus tetap USIM ini menjadi kampus yang 'friendly' dengan 'nature' dan 'friendly' dengan aa semua pihak dengan tetamu, dengan 'customers' dan sebagainya dan aa kita mempunyai matlamat menjadikan kampus ini aa sebagai tempat yang digemari oleh semua orang, dia lebih suka dikampus ini daripada balik ke kampung dia. Itu matlamat kita menjadikan kampus ini 'friendly to the users' aa apa nama ni 'then going back to their home' ataupun kampung dia, jadi itulah matlamat kita. Mereka lebih suka disini menjadikan kampus ini selesa bagi semua lebih-lebih lagi kampung 'Bustan 'Ariffin' iaitu kampung 'post graduate' aa taman aa 'Bustan' itu taman aa taman intelek, taman intelek ini aa bangunan nya istimewa kemudahan disitu pun istimewa dari ni pun telah kita kemukakan kepada kerajaan cuma tunggu kelulusan sahaja kalau lulus saya fikir USIM akan menjadi universiti yang pertama yang mempunyai taman intelek dengan bangunan yang unik iaitu setiap 'student' ada apartment yang agak istimewa dalam apartment dia ada 'library' kecil ada kemudahan untuk keluarga dia supaya dia lebih aa mampu untuk kosentrasi lebih kepada penyelidikan dan aa keistimewaan lagi USIM ialah kerana dekat dengan kemudahan dalam negeri ini iaitu berdekatan dengan Pusat Pentadbiran Negara iaitu Putrajaya dan dekat dengan aa 'international airport' aa

jadi untuk mendapatkan pensyarah luar negara mudah, mereka daripada 'airport' kesini dalam masa 20 minit sahaja, berbanding dengan kampus lain agak jauh, ini satu 'strength' yang ada pada USIM ini dekat dengan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Negara dan dekat dengan 'international airport' yang merupakan saluran mudah untuk pensyarah daripada negara lain datang ataupun kita nak ke negara lain aa dan 'Bustan 'Ariffin' ini saya fikir akan menjadi rebutanlah kerana bangunan kemudahan yang diberi itu agak istimewa sikit.

TAMAT

Copyright © 2014 Unit Pengurusan Ilmu, Perpustakaan USIM